

# Tiada belas kasihan

Peragut ketawa terbahak-bahak selepas ragut rantai mangsa

Sinar Harian 10/06/2010 M/S 56

**SERIKEMBANGAN**—Dua peragut memang tidak mempunyai belas kasihan apabila sanggup ketawa terbahak-bahak dan melihat mangsanya menanggung kesakitan selepas merentap rantai emas yang dipakai oleh mangsa di Jalan SK 6/1 dekat sini, pagi kelmarin.

Dalam kejadian itu, mangsa, Ng Cheng Ga Wai, 20, dikatakan dalam perjalanan dari rumahnya ke tempat kerja di Serdang Jaya, dekat sini.

Ga Wai berkata, pada mulanya dia memang tidak menyangka niat jahat dua lelaki menaiki sebuah motosikal berwarna merah yang seolah-olah mengekorinya dari belakang itu.

Dia yang bekerja sebagai tukang masak bagaimanapun terkejut apabila kedua lelaki terbabit terus memintas motosikal ditungganginya sebelum merentap rantai yang dipakainya.

“Tindakan spontan yang kasar itu menyebabkan saya merasa sakit di bahagian leher, namun kerana geram saya cuba mengejar motosikal dinaiki kedua peragut itu.

“Bagaimanapun, kerana menunggang motosikal jenis lama, ia tidak dapat dipecut laju menyebabkan kedua penjahat itu mentertawakan saya sambil mencabar mengejar-



■ Hian Wah (kiri) melihat kesan luka di leher Ga Wai (tengah) selepas peragut merentap rantainya.

nya,” katanya yang kemudian membuat satu laporan di Balai Polis Seri Kembangan.

Kata mangsa lagi, akibat kejadian itu, dia kehilangan sebahagian utas rantai emas itu, namun bernasib baik kerana separuh bahagian lagi terjatuh di dalam bajunya kerana terputus dua.

“Tetapi saya kesal kerana kehilangan loket diberi ibu yang dibelinya di luar negara beberapa tahun lalu.

“Memang sukar mengancam wajah suspek kerana mereka memakai topi keledar,” katanya lagi ketika mengadukan perkara itu kepada Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Seri Kembangan,

Ean Yong Hian Wah di Pusat Khidmat DAP Serdang, semalam.

Sementara itu, Hian Wah berkata, pihaknya banyak menerima aduan berkenaan kes ragut di Serdang dan Seri Kembangan sekali gus mewujudkan kebimbangan kepada penduduk setempat.

“Saya dimaklumkan pihak polis bahawa indeks jenayah turun 19 peratus sedangkan penduduk di sini masih merasa tidak selamat.

“Mungkin pengurangan kes disebabkan ada mangsa yang tidak membuat laporan polis,” katanya yang memaklumkan kes terbanyak diterima berkaitan kes pecah

rumah siang hari dan samun.

**“** Kerana geram, saya cuba mengejar motosikal dinaiki kedua peragut itu. Bagaimanapun, kerana menunggang motosikal jenis lama, ia tidak dapat dipecut laju menyebabkan kedua penjahat itu mentertawakan saya sambil mencabar mengejarnya.”

■ Mangsa, Ng Cheng Ga Wai